

SOALAN NO. 198

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

[BATU KAWAN]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthurina A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes perkahwinan kanak-kanak Islam dan bukan Islam sehingga umur 18tahun mengikut pecahan etnik serta pecahan negeri dari tahun 2005 sehingga kini dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membendung perkahwinan bawah umur ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sejumlah 2,104 perkahwinan bagi bukan Muslim telah didaftarkan dari tahun 2011 sehingga September 2015 melibatkan perempuan yang berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 680 orang berkahwin dengan pasangan mereka (lelaki) berumur genap 18 tahun tetapi di bawah 21 tahun. Manakala selebihnya jaitu 1,424 orang perempuan telah berkahwin dengan pasangan mereka (lelaki) berumur lebih dari 21 tahun.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syarikah Malaysia (JKSM) pula, jumlah permohonan perkahwinan bawah umur (muslim) bagi tahun 2005 hingga 2015 adalah sebanyak 10,240 kes. Purata permohonan perkahwinan bawah umur pada tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak 849 dan telah mencatatkan kenaikan bermula pada tahun 2011 hingga 2015 dengan purata permohonan sebanyak 1,029. Bilangan permohonan tertinggi adalah sebanyak 1,110 pada tahun 2012 manakala bilangan permohonan terendah adalah sebanyak 545 kes pada tahun 2005. Pada tahun 2015, bilangan kes permohonan adalah sebanyak 827 sebagai mana yang direkodkan sehingga 5 Oktober 2015.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam menangani isu perkahwinan bawah umur ialah:

- a. Penubuhan task force Perkahwinan Bawah Umur di bawah Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak. *Task force* ini terdiri daripada agensi Kerajaan yang berkaitan, ahli akademik, dan aktivis kanak-kanak yang akan meneiliti isu berkaitan perkahwinan bawah umur. Antara perkara yang dicadang untuk diusulkan di bawah *task force* ini ialah penyediaan laporan perubatan dan laporan sosial yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie (Muslim) dan Ketua Menteri (bukan Muslim) sebelum meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur;
- b. Memberikan/meningkatkan kesedaran mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin melalui kursus-kursus seperti Kursus Pra-Perkahwinan dan SMARTSTART yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- c. Pewujudan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Kebangsaan untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan

mengenai kesihatan reproduktif serta advokasi dalam kalangan masyarakat; dan

- d. Konsultasi secara berterusan dengan agensi yang bertanggungjawab ke atas undang-undang berkaitan perkahwinan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.